



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SELASA, 8 JULAI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



8/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	MORE FUNDS, STRONGER LAWS NEEDED TO PROTECT WOMEN AND CHILDREN IN SABAH, SAYS KAPAYAN REP		POSITIF
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/07/more-funds-stronger-laws-needed-to-protect-women-and-children-in-sabah-says-kapayan-rep	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KERAJAAN RANCANG TAMBAH PUSAT JAGAAN WARGA EMAS, OKU DI SANDAKAN DAN KOTA KINABALU		POSITIF
	https://sabahmedia.com/2025/07/07/kerajaan-rancang-tambah-pusat-jagaan-warga-emas-oku-di-sandakan-dan-kota-kinabalu/	SABAHMEDIA.COM	
	https://sabahnews.com.my/kerajaan-sedang-bangunkan-rumah-warga-tua-kendiri-di-telupid-james/	SABAHNEWS.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	WANITA DITAHAN DISYAKI DERA ANAK ANGKAT		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/suri-rumah-ditahan-dipercayai-dera-anak-angkat/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/737455/berita/semasa/wanita-ditahan-disyaki-dera-anak-angkat#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1238316/suri-rumah-ditahan-disyaki-dera-anak-angkat	HMETRO.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/07/1241366/woman-arrested-over-alleged-abuse-adopted-son-jelebu	NST.COM.MY	
	https://thesun.my/cerita/berita/polis-tahan-suri-rumah-disyaki-dera-anak-angkat-oku-di-jelebu-ED14428738	THESUN.MY	
	https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2442430	BERNAMA.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/07/woman-arrested-over-alleged-abuse-of-adopted-son-in-jelebu	THESTAR.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



8/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://thesun.my/malaysia-news/woman-arrested-for-alleged-abuse-of-adopted-son-with-adhd-in-jelebu-CD14428695	THESUN.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/07/07/cops-nab-woman-in-jelebu-over-alleged-abuse-of-adopted-son	FREEMALASIATODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	IBU TUNGGAL, TEMAN LELAKI DISYAKI DERA BAYI SEHINGGA MATI DIREMAN 7 HARI		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1416739/ibu-tunggal-teman-lelaki-disyaki-dera-bayi-sehingga-mati-direman-7-hari?source=widget	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/07/bayi-15-bulan-maut-disyaki-angkara-ibu-kekasih-baru/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/07/07/woman-boyfriend-held-for-murder-after-15-month-old-dies-of-suspected-abuse-in-melaka/183098	MALAYMAIL.COM	
	https://www.sinardaily.my/article/728597/focus/national/15-month-old-baby-dies-after-suspected-abuse-by-mother-her-boyfriend	SINARDAILY.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-berusia-setahun-didera-hingga-maut-ibu-kandung-kekasih-direman-528262	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/737419/berita/semasa/video-ibu-kandung-kekasih-direman-disyaki-dera-bayi-15-bulan-hingga-maut	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/07/1238013/ibu-tunggal-kekasih-ditahan-disyaki-dera-bayi-15-bulan-hingga-mati	HMETRO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ibu-kekasih-direman-seminggu-disyaki-dera-bayi-hingga-maut-528363	ASTROAWANI.COM	
	https://thesun.my/cerita/berita/ibu-dan-kekasih-direman-seminggu-disyaki-dera-bayi-15-bulan-hingga-maut-ND14428270	THESUN.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/737404/berita/semasa/bayi-15-bulan-maut-disyaki-didera-ibu-kandung-kekasih	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/bayi-15-bulan-maut-dipercayai-didera-ibu-dan-kekasih/	UTUSAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/07/07/ibu-dan-kekasih-pemuzik-ditahan-disyaki-bunuh-bayi-15-bulan/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



8/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://malaysiagazette.com/2025/07/07/ibu-kekasih-disyaki-bunuh-bayi-15-bulan-direman-7-hari-1/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/05/1393174/disyasi-dera-anak-hingga-tak-sedarkan-diri-pasangan-suami-isteri	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/07/ibu-teman-lelaki-direman-disyaki-bunuh-bayi-15-bulan/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/07/wanita-kekasih-disyaki-dera-bayi-sampai-mati-ditahan	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/kes-bunuh-bayi-ibu-kandung-teman-lelaki-direman-tujuh-hari/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=6N2scnZv1-4	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	KANAK-KANAK MAUT DIDERA: SUSPEK JAGA MANGSA SEJAK USIA TUJUH BULAN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1238095/kanak-kanak-maut-didera-suspek-jaga-mangsa-sejak-usia-tujuh-bulan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/07/kanak-kanak-maut-didera-keterangan-keluarga-kandung-telah-diambil/	KOSMO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/07/07/polis-rakam-keterangan-keluarga-kandung-kanak-kanak-maut-disyaki-didera/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	SUAMI, ISTERI NAFI ANIAYA ANAK OKU PALSI SEREBRUM SAMPAI MATI		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/07/suami-isteri-nafi-aniaya-anak-oku-palsi-serebrum-sampai-mati/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/737460/berita/semasa/bapa-tiri-ibu-kandung-didakwa-aniaya-anak-oku-hingga-mati	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



8/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bapa-tiri-ibu-kandung-didakwa-aniaya-anak-oku-hingga-mati-528306	ASTROAWANI.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/07/ibu-bapa-mengaku-tak-salah-aniaya-anak-oku-sampai-mati	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/07/07/suami-isteri-nafi-deraan-anak-oku-9-tahun-sampai-mati/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/suami-isteri-didakwa-aniaya-anak-oku-sampai-mati/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	MAYAT 6 SEKELUARGA DITEMUI DALAM KERETA DI SUNGAI KOROK		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/07/1238035/mayat-6-sekeluarga-ditemui-dalam-kereta-di-sungai-korok	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1416671/6-beranak-yang-dilaporkan-hilang-ditemui-lemas	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mayat-enam-beranak-termasuk-bayi-yang-dipercayai-hilang-ditemukan-maut-dalam-kereta-yang-tenggelam-dalam-sungai-korok-528237	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/737414/berita/semasa/mayat-enam-sekeluarga-termasuk-bayi-ditemukan-dalam-kereta-di-sungai-korok	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	PEMBANTU KEDAI MAKAN DIDAKWA ROGOL ADIK		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/pembantu-kedai-makan-didakwa-rogol-adik/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/07/abang-didakwa-rogol-adik	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/737430/berita/semasa/abang-didakwa-rogol-adik-perempuan	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



8/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/abang-didakwa-rogol-adik-perempuan-528307	ASTROAWANI.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1238082/abang-didakwa-rogol-adik?source=widget	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1416718/pe-mbantu-kedai-makan-dituduh-rogol-adik-perempuan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/07/07/abang-dituduh-tebuk-adik-perempuan-sendiri-sejak-usia-11-tahun-buat-kerja-terkutuk-di-dapur-bilik-mak-ayah	MSTAR.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/07/07/20-year-old-claims-trial-to-raping-younger-sister-over-2-years	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/07/1241127/food-stall-assistant-claims-trial-raping-his-sister-watch	NST.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=8zjGlP-6Hc	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



More funds, stronger laws needed to protect women and children in Sabah, says Kapayan rep

By SANDRA SOKIAL

SABAH & SARAWAK

Monday, 07 Jul 2025

5:41 PM MYT

KOTA KINABALU: Targeted allocations under the 2025 Supplementary Supply Bill are needed to strengthen protection for women and children in Sabah, while ensuring greater female representation in grassroots leadership, says an assemblyman.

Datuk Jannie Lasimbang (PH-Kapayan) said there was an urgent need to strengthen legislation on domestic violence, sexual harassment and child marriage, particularly in cases involving Sabah's customary laws.

"Women and children need stronger legal protection, especially in rural and Indigenous communities," she said while debating the Bill at the state assembly sitting on Monday (July 7).

"We must address gaps in enforcement and amend legislation where necessary."

Lasimbang also proposed that the state government allocate annual funding for women's non-governmental organisations (NGOs) in Sabah to support advocacy, education and social services.

"Women's NGOs play a vital role in community support and outreach. Consistent funding would ensure they can continue their work sustainably," she added.

Lasimbang reiterated for the government to set a minimum 30% quota for women in local leadership roles, including village heads, Village Development and Security Committee (JKKK) chairmen, and municipal council members.

"Women must not only be included in development as beneficiaries, but also as decision-makers and problem-solvers."

She also praised the additional RM15.5mil allocation for JKKKs, expressing hope that allowances would be distributed promptly and fairly, especially to those serving at the grassroots level.

Lasimbang said she supported greater investment in elderly and disabled persons (OKU) care, as well as improvements to maternal health and mental health care, particularly for women in remote areas.

"We must ensure that no woman is left behind, especially those who face multiple layers of marginalisation, due to geography, poverty, or cultural barriers," she said.

She noted that the 2025 Supplementary Supply Bill reflects the state's commitment to addressing the people's needs, but stressed that women must be central to the development process.

"When women are empowered, they strengthen families, communities and ultimately, Sabah as a whole," she added.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan rancang tambah pusat jagaan warga emas, OKU di Sandakan dan Kota Kinabalu

By editor02 July 7, 2025



James bersama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (KSTI) Datuk Mohd Anfin Anif di Dewan Undangan Negeri hari ini.

KOTA KINABALU: Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat melalui Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am (JPKA) telah merancang untuk menambah bilangan pusat jagaan harian bagi warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) di bandar utama Sandakan dan Kota Kinabalu.

Menterinya, Datuk James Ratib, berkata perancangan tersebut sebagai usaha meningkatkan kemudahan penjagaan sosial di Sabah.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan lisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Elopura, mengenai perancangan kerajaan untuk mewujudkan lebih banyak pusat jagaan warga emas dan OKU di kawasan Sandakan dan Kota Kinabalu di Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah hari ini.

"Antara projek yang dirancang di Sandakan ialah pembinaan Kompleks Latihan OKU, pembinaan bangunan baharu Taman Didikan Kanak-Kanak OKU serta pembaikan menyeluruh Rumah Warga Tua Sri Harapan.

"Manakala di Kota Kinabalu, kerajaan merancang membina sebuah Kompleks Bersepadu OKU dan Warga Emas di Inanam yang akan menyediakan penjagaan harian berbayar kepada 50 penghuni, kemudahan latihan dan peluang pekerjaan kepada OKU, serta sokongan psikososial kepada warga emas," katanya.

Beliau turut memaklumkan mengenai pembinaan Rumah Warga Tua Kendiri di Telupid yang akan menempatkan warga emas tanpa waris secara percuma.

Katanya, model rumah berkenaan berpotensi diperluaskan ke kawasan bandar seperti Sandakan dan Kota Kinabalu pada masa hadapan.

Menjawab soalan tambahan berkaitan projek di Telupid, beliau berkata permohonan pembinaan rumah warga emas di daerah itu telah dibuat dua tahun lalu.

Kos projek dianggarkan melebihi RM5 juta dan akan menempatkan 15 penghuni apabila siap pada tahun 2026.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Suri rumah ditahan dipercayai dera anak angkat



Oleh NOR AINNA HAMZAH 7 Julai 2025, 6:37 pm

JELEBU: Seorang suri rumah ditahan selepas disyaki mendera anak angkatnya berusia 13 tahun dalam kejadian di sebuah kampung di Kuala Klawang, di sini, bulan lalu.

Ketua Polis Daerah Jelebu, Superintenden Azizan Said berkata, kejadian berkenaan hanya diketahui selepas pihaknya menerima daripada seorang pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Talian Kasih berhubung insiden penderaan yang berlaku.

Menurutnya, mangsa yang merupakan pelajar lelaki tingkatan satu di sebuah sekolah menengah di daerah ini telah beberapa kali dipukul oleh ibu angkatnya berusia 35 tahun sejak tahun 2024.

"Penderaan dipercayai bermula apabila mangsa lambat atau lupa melaksanakan arahan. Mangsa mengadu sering dimaki, dijerit dan dipukul menggunakan objek seperti penyangkut baju dan batang besi vakum.

"Kejadian terbaharu berlaku pada 14 Jun lalu ketika mangsa sedang bersiap untuk menghadiri hari sukan di sekolah, sebelum suspek tiba-tiba memukulnya menggunakan batang besi vakum.

"Ia menyebabkan mangsa mengalami kesan lebam di beberapa bahagian badan termasuk siku, pergelangan tangan dan punggung," katanya kepada pemberita, di sini, hari ini.

Ujar Azizan lagi, mangsa yang diselamatkan oleh JKJ telah dibawa ke Hospital Jelebu untuk pemeriksaan lanjut.

Menurutnya, laporan perubatan mengesahkan kecederaan mangsa disebabkan objek tumpul berbentuk rod dan dipercayai berlaku dalam tempoh tiga hari sebelum pemeriksaan dilakukan.

"Difahamkan, mangsa merupakan anak angkat dijaga suspek sejak berusia enam tahun dan dikategorikan sebagai OKU (ADHD). Suspek turut mempunyai dua anak kandung masing-masing berusia lima tahun dan tujuh bulan," katanya.

Menurutnya, kes disiasat di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan polis masih menunggu laporan perubatan penuh serta siasatan lanjut bagi menentukan punca kecederaan sama ada akibat penderaan atau disebabkan tingkah laku hiperaktif mangsa. – [UTUSAN](#)

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ibu tunggal, teman lelaki disyaki dera bayi sehingga mati direman 7 hari

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad - Julai 7, 2025 @ 12:30pm



Ibu tunggal dan kekasih direman 7 hari bantu siasatan kes bayi. - Foto NSTP/Meor Riduwan Meor Ahmad

ALOR GAJAH: Seorang ibu tunggal dan teman lelakinya direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan kes dera anak kandung perempuan berusia setahun tiga bulan sehingga mati malam tadi.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Dr Teoh Shu Yee selepas membenarkan permohonan polis bagi melengkapkan siasatan kes itu mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Beliau membenarkan suspek berusia 24 dan 20 tahun itu direman tujuh hari bermula hari ini hingga 13 Julai.

Terdahulu, suspek wanita penganggur dan teman lelakinya pekerja kedai pancing dibawa ke mahkamah sekitar jam 9 pagi sebelum dibawa keluar dari kamar mahkamah jam 10.22 pagi.

Media melaporkan bayi perempuan berusia setahun dipercayai didera sehingga mati oleh ibu kandung dan teman lelakinya di sebuah premis kedai di Bandar Satelit, Pulau Sebang, di sini, malam tadi.

Kejadian terbongkar selepas bayi malang itu dibawa untuk rawatan oleh ibunya dalam keadaan tidak sedarkan diri ke Hospital Tampin, jam 11 malam tadi.

Pemeriksaan doktor mendapati terdapat kesan lebam pada perut, belakang badan dan pada lubang dubur bayi malang itu sebelum membuat laporan polis.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak maut didera: Suspek jaga mangsa sejak usia tujuh bulan

Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my



Sungai Buloh: Polis sudah merakam keterangan keluarga kandung kepada kanak-kanak perempuan berusia dua tahun yang maut dipercayai didera ibu bapa angkat di Paya Jaras di sini, Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Superintendan Mohd Hafiz Muhammad Nor berkata, keterangan mereka diambil bagi membantu siasatan lanjut.

"Polis masih menjalankan siasatan ke atas kedua-dua suspek yang sedang direman sehingga Jumaat ini.

"Berdasarkan siasatan awal, kanak-kanak terbabit dijaga oleh kedua suspek itu sejak berusia tujuh bulan," katanya kepada pemberita hari ini.

Terdahulu, polis menerima laporan daripada pegawai perubatan Hospital Sungai Buloh (HSB) mengenai kematian kanak-kanak berusia dua tahun dengan kesan lebam, bengkak dan luka di seluruh badan selain kesan tompokan darah yang sudah kering di bahagian mulut serta hidung.

Mangsa sebelum itu dibawa ke hospital oleh suami isteri berusia 27 dan 28 tahun dalam keadaan tidak sedarkan diri.

Mohd Hafiz dilaporkan berkata, sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sungai Buloh menahan pasangan berkenaan yang juga keluarga angkat mangsa.

Katanya, pasangan itu direman tujuh hari bermula 5 Julai sehingga 11 Julai ini bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Suami, isteri nafi aniaya anak OKU palsi serebrum sampai mati

Oleh DIYANATUL ATIQA HAKARYA 7 Julai 2025, 3:12 pm



TERTUDUH diiringi anggota polis selepas dihadapkan di Mahkamah Sesyen Melaka, hari ini. -Foto oleh ARIF HAMIZAN MISKON / KOSMO!

MELAKA – Sepasang suami isteri mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan menganiaya anak perempuan orang kurang upaya (OKU) palsi serebrum berusia sembilan tahun sehingga mangsa meninggal dunia, sejak April lalu.

Tertuduh, Manuel Pangawat, 36, yang berasal dari Sabah dan Easta Masa Pengala, 40, warga Indonesia, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Rohatul Akmar Abdullah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh secara bersama-sama sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan terhadap kanak-kanak perempuan Rutnaomi Renny berusia sembilan tahun telah menganiaya mangsa sehingga menyebabkan mangsa mengalami kecederaan fizikal.

Perbuatan itu dilakukan antara penghujung April sehingga 23 Jun 2025 di sebuah rumah di Jalan Kota Laksamana 1/5, Taman Kota Laksamana dalam daerah Melaka Tengah.

Sabit kesalahan tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun atau denda tidak melebihi RM50,000 atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 31(1) akta sama.

Terdahulu, pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Nazrin Ali Rahim tidak menawarkan jaminan dengan mengambil kira kematian telah berlaku terhadap mangsa, selain kanak-kanak itu adalah anak kandung tertuduh wanita hasil perkahwinannya yang terdahulu.

Hujahnya, sekiranya mahkamah ingin menggunakan budi bicara, pihaknya mencadangkan agar jaminan sebanyak RM50,000 dikenakan terhadap setiap tertuduh berserta syarat tambahan.

Sementara itu, Manuel yang tidak diwakili peguam merayu agar jaminan dibenarkan dengan alasan dia perlu bekerja bagi melangsaikan hutang, manakala tertuduh wanita memberitahu jenazah anaknya belum dikebumikan dan masih di Jabatan Forensik Hospital Melaka.

Tambahnya, dia juga terpaksa meminta adik sepupunya untuk menjaga anak keduanya hasil perkahwinan dengan Manuel yang berusia tiga tahun.

Selepas mendengar hujah kedua-dua belah pihak, mahkamah kemudian membenarkan tertuduh lelaki diikat jamin sebanyak RM15,000, manakala isterinya RM20,000 dan menetapkan tarikh sebutan semula 4 Ogos depan bagi serahan laporan bedah siasat, laporan kimia serta lantikan peguam.

Kosmo! pada 26 Jun lalu melaporkan seorang kanak-kanak OKU berusia sembilan tahun meninggal dunia disyaki akibat didera bapa tirinya di Taman Kota Laksamana.

Kejadian terbongkar selepas pihak hospital membuat laporan pada pukul 10.15 pagi memaklumkan menerima pesakit seorang kanak-kanak dalam keadaan tidak sedarkan diri yang telah dihantar oleh bapa tirinya.

Pemeriksaan dilakukan mendapati mangsa mengalami patah kaki kiri dan terdapat kesan lebam di bahagian kepala serta badan disyaki didera sebelum disahkan meninggal dunia pada pukul 9.45 pagi. - KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mayat 6 sekeluarga ditemui dalam kereta di Sungai Korok

Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my



ENAM sekeluarga yang dilaporkan hilang sejak Sabtu ditemukan dalam kereta Proton Iswara yang tenggelam di Sungai Korok. FOTO Zuliaty Zulkiffli.

Jitra: Enam sekeluarga yang dilaporkan hilang sejak Sabtu lalu ditemukan dalam kereta Proton Iswara yang tenggelam di Sungai Korok, hari ini.

Setakat ini operasi mengangkat mayat keenam-enam sekeluarga itu sedang dilakukan oleh anggota [Balai Bomba dan Penyelamat](#) (BBP) Jitra.

Enam mangsa terbabit adalah pasangan suami isteri dan empat anak mereka yang berusia enam bulan hingga 9 tahun.

Ahli keluarga yang berada di lokasi dilihat menangis ketika jasad mangsa diangkat seorang demi seorang.

Media sebelum ini melaporkan, seorang wanita membuat laporan polis selepas abang, kakak ipar serta empat anak mereka gagal dikesan sejak Sabtu lalu selepas pulang bermalam di rumahnya di Taman Aman, dekat sini.

[Nur Adlia Shuhada Ishak](#), 20-an berkata, abangnya, Mohd Azim Ezzat Ishak, 32, yang menetap di Jerlun datang bermalam di rumahnya Jumaat lalu bersama isteri dan empat anaknya.


Katanya, mereka selalu datang bermalam di rumahnya dan biasanya pulang pada awal pagi sebelum abangnya yang bertugas sebagai pengawal keselamatan itu masuk kerja.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pembantu kedai makan didakwa rogol adik



TERTUDUH diiringi anggota polis semasa menghadiri prosiding perbicaraan di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, Kelantan.
- UTUSAN/ROSALWANI CHE SOH

Oleh ROSALWANI CHE SOH 7 Julai 2025, 1:19 pm

KOTA BHARU: Seorang pembantu kedai makan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas tiga pertuduhan merogol adik kandungnya di rumah keluarga mereka, sejak dua tahun lalu.

Tertuduh yang berusia 20 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulkifli Abllah.

Mengikut ketiga-tiga pertuduhan, lelaki itu didakwa merogol adik kandung sejak berusia 11 tahun apabila perhubungan tertuduh dengan mangsa adalah tidak dibenarkan mengikut undang-undang, hukum agama, adat atau kebiasaan untuk berkahwin dengannya.

Kesalahan itu dilakukan tiga lokasi dalam bilik tidur bapa mereka, di atas lantai dapur dan bilik tidur di sebuah rumah di Bachok dekat sini pada April 2023, Disember 2024 dan April 2025.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara lapan hingga tidak lebih 30 tahun dan tidak kurang 10 sebatan jika sabit kesalahan.

Mahkamah kemudian membenarkan ikat jamin RM30,000 bagi ketiga-tiga pertuduhan selain menetapkan 6 Ogos ini untuk sebutan semula kes. Tertuduh bagaimanapun tidak membayar jaminan yang ditetapkan mahkamah. – **UTUSAN**